

Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT): Kesediaan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Rendah

Mohamad Nurul Azmi Mat Nor dan Nurzatulshima Kamarudin

Abstrak -- Aspirasi pendidikan negara yang menghendaki generasi yang dididik diterapkan dengan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) agar dapat bersaing secara global seiring dengan perkembangan kemajuan dunia. Dalam usaha mencapai matlamat tersebut mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) telah diperkenalkan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi meningkatkan KBAT dalam kalangan murid sekolah rendah. RBT merupakan mata pelajaran di bawah tunjang sains dan teknologi yang diajar pada Tahap Dua di sekolah rendah bagi membangunkan modal insan abad ke-21 dan sekali gus membantu kejayaan aspirasi yang dicadangkan. Kesediaan guru menjadi titik tolak kepada kejayaan tersebut kerana guru merupakan pelaksana kepada kurikulum yang telah digubal. Namun begitu, kesediaan dan keupayaan guru dalam menyampaikan KBAT masih rendah dan penggunaan kaedah konvensional dalam pengajaran masih meluas digunakan dalam kalangan guru. Justeru itu, kertas konsep ini bertujuan untuk membincangkan kesediaan guru, masalah dan keperluan guru dalam melaksanakan penerapan KBAT bagi mata pelajaran RBT di peringkat sekolah rendah. Kesediaan guru dalam melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran pedagogi KBAT menjadi sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan KBAT dalam kalangan murid. Keperluan guru yang dikenal pasti dalam melaksanakan KBAT ialah kursus KBAT yang mengkhususkan kepada standard kandungan dan standard pembelajaran RBT, penggunaan modul, bahan maujud dan sumber bahan yang dapat membantu pengajaran KBAT di bilik darjah. Selain itu, sokongan dan perkembangan profesional yang berterusan dalam mata pelajaran RBT perlu diberikan perhatian agar guru-guru RBT dapat menguasai pengetahuan kandungan dan pedagogi yang dapat menjurus kepada pengajaran dan pembelajaran KBAT di bilik darjah.

Kata Kunci -- Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Reka Bentuk dan Teknologi (RBT), Pengajaran dan pembelajaran, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)